

Surat khabar: Utusan Borneo (Horizon)

Hari/Tarikh: 28/5/2016

Muka surat: A1

Tajuk : 'Tongkat Lemambang' ciptaan Leo yang unik

'Tongkat Lemambang' ciptaan Leo yang unik

LEOPOLD Garrett Jawan, 23, telah menghasilkan seni kreatif yang mempunyai elemen tradisi dan dua elemen lain bagi menjayakan sebuah projek tahun akhir yang begitu menakjubkan.

Beliau yang lebih senang dikenali sebagai Leo telah menghasilkan 'Tongkat Lemambang' yang digunakan dalam upacara khas tradisi suku kaum Iban di Sarawak.

Hasil ciptaan beliau itu telah dipamerkan di Cetusan Inspirasi Pelajar Tahun Akhir (CIPTA) 2016 yang berakhir semalam. "Tongkat Lemambang

yang saya reka menggunakan seramik, tali, kayu dan cat telah mengambil masa selama tiga bulan untuk disiapkan.

"Seramik tongkat ini merupakan bahan adaptasi yang telah saya ambil sebanyak 13 ciri berdasarkan konsep, struktur instrumen muzik dan banyak lagi bagi projek akhir pengajian ini," katanya ketika ditemui di CIPTA 2016 di UNIMAS, baru-baru ini.

Tambahnya, alat itu mempunyai keunikan dan digunakan untuk berhubung dengan dewa dan dewi bagi tujuan kebaikan

seperti menjaga keselamatan kampung dan sebagainya.

Beliau merupakan pelajar terakhir Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) dalam pengkhususan seramik yang jarang diminati golongan belia hari ini.

Ciptaan beliau yang digantung di luar teater FSGK menjadi tarikan utama sepanjang penganjuran CIPTA 2016 dengan ramai kelibat pelajar lain bergambar dengannya, baru-baru ini.

Sementara itu, Pengarah CIPTA 2016 FSGK UNIMAS, Muhammad

Razis Iskandar Afrizal berkata, beliau menghargai ciptaan dan produk para pelajar tahun akhir FSGK UNIMAS tahun ini.

Mereka telah menyampaikan ideologi karya dengan penyelidikan yang menunjukkan kemantapan idea, proses penyelidikan dan aplikasi serta penggunaan media dan teknik yang bersesuaian dengan produk mereka.

Justeru, jelas setiap produk menunjukkan beberapa kaedah persembahan hasil karya dan penyelidikan yang telah dilaksanakan melalui pameran di Galeri Seni, ruang

legar Panggung Eksperimen dan Kolokium FSGK.

Turut diadakan jualan hasil seni, Bicara Fotografi NIKON, demonstrasi seramik, demonstrasi mencanting batik, 'Doddle Art Painting', demonstrasi 'Pop-up Card', Mini Film Festival, Bengkel Animasi Gerak Pegun (Stop Motion), Demonstrasi 'Marker Rendering' dan banyak lagi.

MENARIK: Leo berdiri megah menunjukkan hasil ciptaan beliau yang begitu unik bagi projek tahun akhirnya sebagai pelajar pengkhususan seramik FSGK UNIMAS, baru-baru ini.

